BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM

Jilid. 39 No. 1

S1

Suku Pertama 2024

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh BNM berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh BNM dalam memenuhi mandatnya.

Kandungan

03 Sorotan Penting

04 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

05 Perkembangan Ekonomi Malaysia

10 Perkembangan Monetari dan Kewangan

13 Pertimbangan Dasar

15 Tinjauan Makroekonomi

17 Tambahan

Sorotan Penting bagi S1 2024

Pertumbuhan KDNK yang lebih tinggi sebanyak 4.2% (S4 2023: 2.9%)

Apakah faktor yang menyokong pertumbuhan?

Perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi
Penggunaan Swasta: 4.7% (S4 2023: 4.2%)

Eksport kembali pulih
Eksport Barangan dan Perkhidmatan: 5.2% (S4 2023: -7.9%)

Aktiviti pelaburan yang lebih giat
Pelaburan Swasta: 9.2% (S4 2023: 4%)

Pasaran pekerja terus berdaya tahan

Kadar Pengangguran
3.3%
(S4 2023: 3.3%)

Upah Nominal
2.6%
(S4 2023: 3.1%)

Pertumbuhan Guna Tenaga
2.1%
(S4 2023: 2.5%)

Inflasi keseluruhan kekal sederhana pada 1.7% (S4 2023: 1.6%)

Apakah faktor utama yang mempengaruhi inflasi?

Inflasi utiliti yang lebih tinggi berikutan pelarasan tarif air dan cukai perkhidmatan ke atas penggunaan elektrik yang tinggi
Perumahan dan utiliti: 2.6% (S4 2023: 1.6%)

Inflasi makanan yang lebih rendah
Inflasi makanan dan minuman bukan alkohol: 1.9%
(S4 2023: 2.8%)

Nilai ringgit menurun berbanding dolar AS

MYR/USD
-2.9%
(S4 2023: 2.1%)


Indeks Dolar AS
3.1%
(S4 2023: -4.6%)

Kadar Pertukaran Efektif Nominal (NEER) Ringgit
-0.4%
(S4 2023: -0.9%)

Prestasi Ekonomi Global

Pertumbuhan global mampan pada S1 2024


KDNK ekonomi terpilih,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Pihak berkuasa negara

Prestasi perdagangan di kebanyakan negara serantau kembali pulih

Eksport ekonomi terpilih[1],
Perubahan tahunan, % (dalam dolar AS)



[1] Pertumbuhan eksport dikira berdasarkan pertumbuhan tahun ke tahun (*year-on-year*, YoY) eksport bulanan agregat bagi suku tersebut. Pada penerbitan sebelum ini, pertumbuhan eksport dikira berdasarkan pertumbuhan YoY eksport bulanan purata bagi suku tersebut.
Sumber: Pihak berkuasa negara

Sorotan

- **Pertumbuhan ekonomi global mampan,** apabila pasaran pekerja yang berdaya tahan terus menyokong aktiviti penggunaan, terutamanya di AS. Sementara di China, eksport yang lebih baik mengimbangi pertumbuhan penggunaan dan pelaburan yang lebih rendah.

- **Aktiviti perdagangan bertambah baik.** Industri elektrik dan elektronik (*electrical and electronics,* E&E) dan bukan E&E pulih, namun perdagangan global kekal lembap berikutan peralihan perbelanjaan daripada barangan kepada perkhidmatan serta sekatan perdagangan yang berterusan.
  - Eksport beberapa negara terus negatif disebabkan oleh permintaan yang lemah dan kadar pemulihan yang tidak sekata dalam subsektor terpilih. Selain itu, negara-negara tersebut juga mengalami penurunan dalam eksport lebih lambat tahun lepas.


- **Inflasi keseluruhan dan inflasi teras terus menunjukkan trend menurun,** didorong oleh disinflasi dalam ekonomi-ekonomi maju.

- **Harga minyak mentah Brent kekal tinggi** pada USD82 setong pada S1 2024 (S4 2023: USD83 setong) berikutan pengurangan pengeluaran secara sukarela oleh negara-negara OPEC+.

Keluaran Dalam Negeri Kasar

Pertumbuhan KDNK lebih tinggi sebanyak 4.2% pada S1 2024


Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi meningkat sebanyak 1.4%

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan tahunan, % (terlaras secara bermusim)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan pada S1 2024?

- Perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif dan dasar Kerajaan yang lebih kukuh
- Eksport barangan yang kembali pulih dan ketibaan pelancong yang lebih tinggi
- Aktiviti pelaburan yang lebih giat

Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pada S1 2024?

- Pengeluaran pertanian yang lebih rendah berikutan keadaan cuaca panas

Prestasi Ekonomi Malaysia

Perbelanjaan sektor swasta lebih kukuh berikutan eksport bersih yang bertambah baik

Perubahan tahunan, %

Penggunaan Swasta

4.7%
(S4 2023: 4.2%)

Penggunaan swasta yang lebih tinggi disokong oleh perbelanjaan barangan keperluan dan barangan budi bicara

Pelaburan Swasta

9.2%
(S4 2023: 4%)

Pelaburan struktur yang lebih kukuh dan perbelanjaan jentera & kelengkapan yang berterusan

Penggunaan Awam

7.3%
(S4 2023: 5.8%)

Perbelanjaan bekalan & perkhidmatan yang lebih tinggi oleh Kerajaan

Pelaburan Awam

11.5%
(S4 2023: 11.3%)

Perbelanjaan aset tetap oleh Kerajaan dan syarikat awam yang terus berkembang

Eksport Bersih

-24.5%
(S4 2023: -52.9%)

Penguncupan lebih perlahan berikutan pemulihan eksport barangan dan perkhidmatan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan yang lebih tinggi dalam kebanyakan sektor

Perubahan tahunan, %

Perkhidmatan

4.7%
(S4 2023: 4.1%)

Aktiviti perdagangan runcit lebih tinggi dan sokongan berterusan daripada subsektor pengangkutan & penyimpanan

Perkilangan

1.9%
(S4 2023: -0.3%)

Peningkatan semula sektor E&E dan kelompok berkaitan sumber serta aktiviti perkilangan berkaitan pembinaan yang lebih kukuh

Pertanian

1.6%
(S4 2023: 1.9%)

Pertumbuhan sederhana dalam pengeluaran tanaman getah dan makanan berikutan cuaca panas

Perlombongan

5.7%
(S4 2023: 3.5%)

Keluaran gas asli yang tinggi

Pembinaan

11.9%
(S4 2023: 3.6%)

Kemajuan projek kejuruteraan awam yang lebih cepat serta sokongan yang lebih kukuh daripada aktiviti pertukangan khas dan kediaman

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Keadaan Pasaran Pekerja

Pasaran pekerja kekal berdaya tahan

- Kadar pengangguran terus berada pada paras sebelum pandemik, iaitu 3.3%, pada suku pertama tahun 2024 (S4 2023: 3.3%).
- Guna tenaga meningkat kepada 16.4 juta orang pada suku pertama tahun 2024 (S4 2023: 16.35 juta orang) berikutan permintaan yang berterusan terhadap pekerja.
- Bekalan pekerja kekal menggalakkan apabila kadar penyertaan tenaga kerja meningkat lagi ke paras tertinggi yang pernah dicatatkan iaitu 70.2% pada suku pertama tahun 2024 (S4 2023: 70.1%).

Kadar pengangguran rendah


Kadar pengangguran, % daripada tenaga kerja




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan yang berterusan bagi upah sektor swasta

Upah nominal dan benar sektor swasta,
Indeks, S4 2019=100



Upah nominal mengikut sektor,
Indeks, S4 2019=100




Nota: Upah sektor swasta merujuk kepada upah pekerja dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Trend inflasi

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras kekal sederhana pada suku pertama

- Inflasi keseluruhan meningkat sedikit kepada 1.7%, sebahagiannya mencerminkan tarif air yang lebih tinggi dan cukai perkhidmatan ke atas penggunaan elektrik yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, peningkatan ini sebahagiannya diimbangi oleh inflasi yang lebih rendah dalam item IHP lain, terutamanya makanan dan minuman.
- Inflasi teras menurun kepada 1.8% pada suku pertama.

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras,
Perubahan tahunan, %



Item Indeks Harga Pengguna (IHP) Terpilih


Makanan dan minuman *(Wajaran: 29.8%)*	Elektrik *(Wajaran: 2.7%)*	Bekalan air *(Wajaran: 0.9%)*
▼1.9% S4 2023: 2.8%	▲ 0.7% S4 2023: 0%	▲ 20.8% S4 2023: 2.1%

Nota: Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir daripada inflasi keseluruhan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi lebih meluas pada suku pertama

- Lebih banyak barangan mencatatkan kenaikan harga pada suku pertama, namun kekal selaras dengan norma yang dicatatkan sebelum ini.
- Hal ini sebahagiannya mencerminkan pelarasan harga oleh syarikat yang biasanya dilakukan pada awal tahun serta semasa musim perayaan.

Item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulanan,
Bahagian, %



44.2% pada S1 2024
(S4 2023: 36.3%; purata S1 2011–19: 52.2%)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan Sektor Luaran

Pemulihan positif bagi eksport dan pertumbuhan import yang kukuh

Eksport kasar	**2.2%** S4 2023: -6.9%	Pemulihan permintaan luaran bagi eksport E&E dan bukan E&E serta harga komoditi yang meningkat
Import kasar	**13.1%** S4 2023: 1.3%	Import perantaraan yang lebih tinggi dan permintaan dalam negeri yang kukuh terhadap barangan modal dan barangan penggunaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan akaun semasa yang lebih tinggi serta aliran keluar dalam akaun kewangan

Akaun Semasa
RM16.2 bilion; 3.5% daripada KDNK
(S4 2023: RM0.9 bilion; 0.2%)

Faktor pendorong

- Defisit pendapatan primer yang lebih kecil disebabkan oleh pendapatan daripada pinjaman dan deposit di luar negeri yang lebih tinggi serta keuntungan terakru kepada pelabur asing di Malaysia yang lebih rendah.
- Tahap pendapatan sekunder yang berubah kepada lebihan.
- Lebihan barangan yang lebih tinggi apabila paras eksport mengatasi paras import.
- Defisit perkhidmatan yang lebih kecil menceminkan ketibaan pelancong yang lebih tinggi.

Akaun Kewangan
Aliran keluar bersih RM18.7 bilion
(S4 2023: Aliran keluar bersih RM20.1 bilion)

Faktor pendorong

- Aliran keluar bersih dalam pelaburan portfolio, didorong terutamanya oleh pelaburan pemastautin dalam ekuiti dan sekuriti hutang di luar negeri.
- Aliran keluar bersih dalam pelaburan langsung disebabkan oleh pelaburan langsung luar negeri (DIA) yang melebihi pelaburan langsung asing (FDI).

Yang mengimbangi

- Aliran masuk bersih dalam pelaburan lain yang disebabkan oleh bayaran balik pinjaman dan penyelesaian kredit perdagangan yang diterima oleh syarikat korporat pemastautin.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri meningkat sedikit

RM1.27 trilion atau 69% daripada KDNK
(S4 2023: RM1.24 trilion atau 68.2% daripada KDNK)

- Kesan penilaian kadar pertukaran berikutan kelemahan nilai ringgit.
- Pinjaman antara kumpulan dan kredit perdagangan oleh syarikat korporat yang lebih tinggi.

Hutang luar negeri kekal terurus
% daripada jumlah hutang luar negeri

Mata Wang	**Dalam denominasi ringgit: 32.3%** Tidak terjejas oleh turun naik kadar pertukaran ringgit **Dalam denominasi FCY: 67.7%** yang 63.8% daripadanya tertakluk pada keperluan kehematan dan pengawalseliaan BNM dan 17.5% merupakan pinjaman antara syarikat berkaitan
Tempoh Matang	**Jangka sederhana dan panjang: 58.2%** Risiko pelanjutan terhad

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Bersih	**RM157.0 bilion** (S4 2023: RM123.7 bilion)
Rizab Antarabangsa[1]	**USD112.8 bilion** (S4 2023: RM113.5 bilion)

- **5.4 bulan[2]** import barangan dan perkhidmatan
- **1.0 kali** hutang luar negeri jangka pendek

[1] Pada 30 April 2024.
[2] Paras ini mungkin berbeza daripada paras yang dinyatakan dalam siaran akhbar mengenai rizab antarabangsa yang dterbitkan pada 8 Mei 2024 kerana mencerminkan data terkini S1 2024 berhubung dengan import barangan dan perkhidmatan serta hutang luar negeri jangka pendek.


Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pasaran Kewangan dan Kadar Pertukaran

Nilai ringgit menurun berikutan dolar AS yang kukuh

Penurunan nilai ringgit adalah selaras dengan rakan perdagangan utama berikutan nilai dolar AS yang terus kukuh

Prestasi Indeks Dolar AS dan Mata Wang Serantau berbanding dolar AS,
% sejak awal tahun sehingga kini dan antara suku tahun ke suku tahun



Nilai ringgit menurun berbanding dengan rakan perdagangan utama

NEER S1 2024: -0.4%
S4 2023: -0.9%

[1] Sejak awal tahun hingga 15 Mei 2024.
Nota: NEER merujuk kepada kadar pertukaran efektif nominal.
Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Perkembangan pasaran kewangan domestik didorong terutamanya oleh faktor luaran

Kadar hasil bon meningkat
selaras dengan negara serantau berikutan jangkaan bahawa pengurangan kadar faedah dasar AS akan berlaku lebih lambat dengan kadar yang lebih kecil

Kadar hasil MGS 10 tahun +11 mata asas
(S4 2023: -23 mata asas)

Pasaran ekuiti meningkat
berikutan pembelian oleh pelabur institusi tempatan menjelang akhir suku pertama 2024

KLCI +5.6% suku tahun ke suku tahun
(S4 2023: +2.1%)

Faktor-faktor utama

Peralihan jangkaan hala tuju dasar monetari ekonomi-ekonomi utama dan ketegangan geopolitik yang berterusan telah menyebabkan volatiliti yang ketara dalam aliran modal dan kadar pertukaran di seluruh rantau ini, termasuk ringgit

Keadaan ekonomi yang bertambah baik secara stabil dan impak positif daripada pelaksanaan pembaharuan struktur dalam negeri dijangka terus menyokong pasaran kewangan domestik


Tindakan terselaras yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan dan BNM untuk menggalakkan penghantaran balik dan penukaran pendapatan pelaburan asing oleh GLC dan GLIC telah membantu mengurangkan tekanan ke atas pasaran pertukaran asing

Sumber: Bank Negara Malaysia, ETP, Bursa Malaysia dan Bloomberg

Kadar Faedah dan Mudah Tunai

Kadar antara bank dan kadar deposit tetap menurun pada suku pertama

Kadar faedah,
Pada akhir tempoh, %




- **KLIBOR 3 Bulan menurun,** mencerminkan tekanan kos pendanaan antara bank yang semakin reda apabila berkurangnya persaingan deposit bermusim pada akhir tahun 2023.
- **Kadar deposit tetap (FD) menurun** antara 3 hingga 5 mata asas bagi tempoh 1 bulan hingga 12 bulan, apabila bank-bank terus melaraskan strategi pendanaan mereka untuk menguruskan kos dana.
- **Kadar pinjaman purata (ALR) bagi pinjaman terkumpul secara amnya stabil** pada suku tersebut.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Pengantaraan kewangan kekal disokong oleh tahap mudah tunai sistem perbankan pada masa ini

Mudah tunai ringgit terkumpul di BNM,
Pada akhir tempoh, RM bilion




- **Jumlah mudah tunai sistem perbankan menurun** berikutan aliran keluar bersih dan peningkatan mata wang dalam edaran susulan permintaan yang lebih tinggi terhadap wang tunai semasa musim perayaan pada suku pertama.
- Walau bagaimanapun, mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi, dan bank-bank terus mempunyai akses kepada mudah tunai daripada pasaran antara bank dan kemudahan perjanjian belian semula berbalik *(reverse repo)* dengan BNM.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan Kredit

Pertumbuhan kredit meningkat didorong oleh pinjaman perniagaan dan isi rumah yang semakin berkembang

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1],
Sumbangan kepada pertumbuhan, mata peratusan



[1] Terdiri daripada bon korporat terkumpul serta pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan isi rumah
Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan utama

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[2]

5.2%
S4 2023: 4.8%

- Pinjaman terkumpul[3] berkembang sebanyak 5.7% pada akhir suku pertama 2024 (S4 2023: 5%), disokong oleh pertumbuhan pinjaman perniagaan dan isi rumah yang lebih tinggi.
- Pertumbuhan bon korporat terkumpul meningkat pada kadar yang lebih sederhana (3.2%; S4 2023: 4.2%).

Pinjaman Perniagaan

4.9%
S4 2023: 3.7%

- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul yang lebih tinggi, didorong terutamanya oleh pertumbuhan pinjaman berkaitan pelaburan yang lebih tinggi.[4]
- Mengikut sektor, pertumbuhan yang lebih kukuh disokong oleh sektor pembinaan dan perkhidmatan.

Pinjaman Isi Rumah

6.2%
S4 2023: 5.7%

- Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul meningkat merentas kebanyakan tujuan pinjaman.
- Permintaan terhadap pinjaman isi rumah kekal menggalakkan, terutamanya pinjaman untuk pembelian rumah dan kereta.

[2] Semua angka yang disebut adalah dalam bentuk perubahan tahunan
[3] Merujuk pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)
[4] Terdiri daripada pinjaman untuk pembelian harta bukan kediaman, harta kediaman untuk kegunaan perniagaan dan aset tetap, serta pinjaman untuk tujuan pembinaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertimbangan Dasar

Sorotan mesyuarat MPC bulan Mei

- Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00% pada mesyuarat MPC bulan Januari dan Mac 2024, juga pada mesyuarat MPC bulan Mei 2024 baru-baru ini.
- MPC kekal berwaspada terhadap perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

Dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan ekonomi

Pada mesyuarat MPC bulan Januari dan Mac 2024 serta pada mesyuarat MPC bulan Mei baru-baru ini, MPC telah mengekalkan OPR pada 3.00%.

Pada mesyuarat bulan Mei, MPC menilai bahawa ekonomi global terus berkembang berikutan pasaran pekerja yang berdaya tahan di beberapa negara dan pemulihan perdagangan global yang berterusan. Pada masa hadapan, pertumbuhan global dijangka berkekalan kerana rintangan daripada dasar monetari yang ketat dan sokongan fiskal yang berkurang akan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif serta inflasi yang terus menurun. Perdagangan global dijangka terus kukuh berikutan peningkatan kitaran teknologi yang berterusan. Walaupun inflasi keseluruhan dan inflasi teras global terus menurun pada bulan-bulan kebelakangan ini, kadar disinflasi telah menjadi perlahan di beberapa ekonomi maju. Hal ini meningkatkan prospek kadar faedah untuk kekal tinggi bagi masa yang lebih lama, khususnya di Amerika Syarikat (AS). Prospek pertumbuhan terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan, disebabkan terutamanya oleh ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, inflasi sebenar yang lebih tinggi daripada jangkaan dan volatiliti dalam pasaran kewangan global.

Bagi ekonomi Malaysia, penunjuk terkini setakat pada mesyuarat MPC bulan Mei mencatatkan aktiviti ekonomi yang lebih giat pada suku pertama tahun 2024. Hal ini didorong oleh perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan dan pemulihan eksport yang positif. Pada masa hadapan, momentum pemulihan eksport dijangka bertambah baik, disokong oleh kitaran menaik teknologi global serta eksport barangan bukan elektrik dan elektronik yang terus kukuh. Ketibaan dan perbelanjaan pelancong juga dijangka terus meningkat. Pertumbuhan guna tenaga dan upah yang berterusan kekal menyokong perbelanjaan isi rumah. Aktiviti pelaburan akan disokong oleh projek berbilang tahun dalam sektor swasta dan awam yang sedang dijalankan, pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah beberapa pelan induk nasional serta lebih banyak pelaburan yang diluluskan kini direalisasikan. Prospek pertumbuhan bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan yang berpunca daripada permintaan luaran yang lebih lemah daripada jangkaan serta penurunan pengeluaran komoditi yang lebih besar. Sementara itu, pertumbuhan menjadi lebih tinggi berpunca terutamanya daripada limpahan peningkatan kitaran teknologi yang lebih besar, aktiviti pelancongan yang lebih giat serta pelaksanaan yang lebih pantas bagi projek sedia ada dan projek baharu.

Pertimbangan Dasar

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing berpurata pada 1.7% dan 1.8% pada suku pertama tahun 2024. Pada masa hadapan, inflasi pada tahun 2024 dijangka kekal sederhana, mencerminkan secara amnya keadaan permintaan yang stabil dan tekanan kos yang terkawal. Prospek tahun ini bergantung pada pelaksanaan dasar dalam negeri mengenai subsidi dan kawalan harga, serta perkembangan harga komoditi dan pasaran kewangan global. Setelah mengambil kira kesan yang mungkin berlaku berikutan rasionalisasi subsidi, inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing diunjurkan berpurata antara 2% hingga 3.5% dan 2% hingga 3% pada tahun ini.

Ringgit pada masa ini tidak mencerminkan asas ekonomi dan prospek pertumbuhan Malaysia. Faktor luaran iaitu peralihan jangkaan berhubung dengan haluan dasar monetari di ekonomi utama dan ketegangan geopolitik yang berterusan telah menyebabkan volatiliti yang ketara dalam aliran modal dan kadar pertukaran di seluruh rantau ini, termasuk ringgit. Inisiatif terselaras oleh Kerajaan dan BNM dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Companies, GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Investment Companies, GLIC) serta libat urus syarikat korporat telah membuahkan hasil, lantas mengurangkan tekanan ke atas ringgit. BNM akan terus menguruskan risiko yang berpunca daripada volatiliti pasaran kewangan. Pada tempoh jangka sederhana, pembaharuan struktur dalam negeri akan memberikan sokongan yang lebih berpanjangan kepada ringgit.

Pada tahap OPR semasa, MPC berpandangan bahawa pendirian dasar monetari terus menyokong ekonomi dan konsisten dengan penilaian semasa berhubung dengan prospek inflasi dan pertumbuhan. MPC tetap berwaspada terhadap perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri. MPC akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil.

Tinjauan Makroekonomi

Pertumbuhan global mampan berikutan inflasi yang semakin menurun

Pertumbuhan global dijangka mampan pada tahun 2024

Ekonomi global dijangka kekal mampan, disokong oleh inflasi yang semakin menurun, pasaran pekerja yang berdaya tahan dan perdagangan global yang kembali meningkat. Impak daripada dasar monetari yang ketat dijangka menjadi reda pada separuh kedua tahun 2024. Inflasi global mungkin akan terus menurun, meskipun risiko peningkatan inflasi berikutan harga komoditi yang lebih tinggi telah meningkat. Pertumbuhan di China dijangka meningkat pada tahun 2024 meskipun pada kadar yang lebih perlahan, kerana sokongan fiskal akan diimbangi oleh pasaran harta tanah yang lemah. Pertumbuhan perdagangan global dijangka meningkat semula pada tahun 2024, disokong terutamanya oleh kitaran menaik teknologi dan pemulihan sektor pelancongan.

Risiko pertumbuhan menjadi perlahan berpunca terutamanya daripada ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, inflasi yang lebih tinggi daripada jangkaan dan keadaan pasaran kewangan yang menjadi ketat secara mendadak. Namun demikian, risiko pertumbuhan global menjadi lebih tinggi boleh berpunca daripada permintaan dalam negeri yang lebih kukuh daripada jangkaan terutamanya dalam ekonomi-ekonomi maju.

Ekonomi Malaysia terus berkembang

Permintaan dalam negeri yang terus berkembang dan peningkatan permintaan luaran akan menyokong pertumbuhan

Pada masa hadapan, pertumbuhan ekonomi Malaysia akan didorong terutamanya oleh perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan, dengan sokongan tambahan daripada pemulihan eksport. Perbelanjaan isi rumah akan disokong oleh pertumbuhan guna tenaga dan upah yang berterusan. Ketibaan dan perbelanjaan pelancong dijangka semakin bertambah baik. Selain itu, aktiviti pelaburan akan disokong oleh projek berbilang tahun yang terus dilaksanakan dalam sektor swasta dan awam serta dimantapkan lagi dengan pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah pelan-pelan induk nasional dan lebih banyak pelaburan diluluskan yang direalisasikan.

Prospek pertumbuhan menghadapi risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan berikutan permintaan luaran yang lebih lemah daripada jangkaan serta pengurangan pengeluaran komoditi yang lebih besar. Walau bagaimanapun, limpahan daripada kitaran menaik teknologi yang lebih besar, aktiviti pelancongan yang lebih memberangsangkan serta pelaksanaan projek pelaburan baharu dan sedia ada yang lebih cepat memberikan prospek yang positif terhadap ekonomi Malaysia.

Tinjauan Makroekonomi

Inflasi sederhana pada tahun 2024

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka kekal sederhana berikutan keadaan permintaan yang stabil dan tekanan kos yang terkawal

Bagi tahun 2024, inflasi keseluruhan dan inflasi teras diunjurkan kekal sederhana dengan masing-masing berpurata antara 2% hingga 3.5% dan 2% hingga 3%. Julat unjuran yang lebih luas telah mengambil kira kemungkinan peningkatan inflasi yang boleh timbul berikutan pelaksanaan rasionalisasi subsidi. Prospek sepanjang tahun 2024 bergantung pada pelaksanaan dasar dalam negeri berhubung dengan subsidi dan kawalan harga serta perkembangan harga komoditi global dan pasaran kewangan.

Jadual 1: **KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)**

	Bahagian 2023 (%)	2023					2024
		S1	S2	S3	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan, %					
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	93.9	4.8	4.4	4.5	4.9	4.6	6.1
Sektor swasta	76.2	5.8	4.4	4.2	4.1	4.6	5.7
Penggunaan	60.7	6.1	4.2	4.1	4.2	4.7	4.7
Pelaburan	15.5	4.7	5.1	4.5	4.0	4.6	9.2
Sektor awam	17.8	-0.2	4.3	5.9	7.4	4.6	8.4
Penggunaan	13.2	-2.0	3.3	5.3	5.8	3.3	7.3
Pelaburan	4.6	5.7	7.9	7.5	11.3	8.6	11.5
Eksport Bersih	4.4	71.2	-11.9	-19.9	-52.9	-16.2	-24.5
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	66.1	-2.9	-9.0	-12.0	-7.9	-8.1	5.2
Import Barangan dan Perkhidmatan	61.7	-6.7	-8.8	-11.3	-2.6	-7.4	8.0
KDNK Benar, perubahan tahunan %	**100.0**	**5.5**	**2.8**	**3.1**	**2.9**	**3.6**	**4.2**
KDNK, perubahan suku tahunan secara bermusim %	**-**	0.4	1.2	2.4	-1.0	-	1.4

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: **KDNK Mengikut Kegiatan Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)**

	Bahagian 2023 (%)	2023					2024
		S1	S2	S3	S4	Year	S1
		Perubahan tahunan, %					
Perkhidmatan	59.2	7.1	4.5	4.9	4.1	5.1	4.7
Perkilangan	23.4	3.2	0.1	-0.1	-0.3	0.7	1.9
Pertanian	6.4	1.4	-0.7	0.3	1.9	0.7	1.6
Perlombongan	6.2	1.6	-2.1	-1.1	3.5	0.5	5.7
Pembinaan	3.6	7.4	6.2	7.2	3.6	6.1	11.9
KDNK Benar, perubahan tahunan %	**100.0**	**5.5**	**2.8**	**3.1**	**2.9**	**3.6**	**4.2**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3: **Imbangan Pembayaran**[1]

	2023					2024
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1
	RM bilion					
Akaun semasa	**10.8**	**8.3**	**8.2**	**0.9**	**28.2**	**16.2**
% daripada KDNK	*2.4*	*1.9*	*1.8*	*0.2*	*1.5*	*3.5*
Barangan	42.5	29.2	33.6	30.8	136.2	32.0
Perkhidmatan	-13.5	-11.8	-10.5	-7.4	-43.2	-7.3
Pendapatan primer	-12.8	-6.9	-12.9	-20.3	-52.9	-8.8
Pendapatan sekunder	-5.5	-2.2	-2.0	-2.2	-11.8	0.3
Akaun kewangan	**-5.2**	**-8.0**	**17.8**	**-20.1**	**-15.5**	**-18.7**
Pelaburan langsung	2.9	-5.2	-3.1	5.2	-0.2	-6.0
Aset	-8.1	-9.9	-12.8	-5.5	-36.3	-26.0
Liabiliti	11.0	4.7	9.7	10.7	36.1	20.0
Pelaburan portfolio	-29.8	12.9	-13.4	-6.0	-36.4	-23.7
Aset	-16.3	-4.9	-15.4	-10.0	-46.6	-21.2
Liabiliti	-13.5	17.8	2.0	4.0	10.3	-2.5
Derivatif kewangan	-0.9	0.3	0.5	-3.8	-3.9	1.2
Pelaburan lain	22.6	-16.1	33.9	-15.5	25.0	9.8
Kesilapan dan ketinggalan bersih[2]	**-11.2**	**-12.7**	**-18.3**	**9.3**	**-33.0**	**11.3**
Imbangan keseluruhan	**-5.7**	**-12.4**	**7.7**	**-10.1**	**-20.5**	**8.7**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh permastautin.
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).
[2] Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada rizab penilaian semula. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 4: **Hutang Luar Negeri Terkumpul**

	2023		2024
	Akhir Mac	Akhir Dis	Akhir Mac
	RM bilion		
Jumlah Hutang Luar Negeri	**1,175.6**	**1,242.6**	**1,271.7**
Bersamaan USD bilion	*266.3*	*270.7*	*268.4*
Mengikut instrumen			
Bon dan nota	158.7	169.8	175.0
Peminjaman antara bank	231.9	220.7	214.3
Pinjaman antara syarikat berkaitan	162.1	189.0	203.0
Pinjaman	76.9	86.9	90.4
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan bermastautin	258.2	269.5	263.8
Deposit bukan pemastautin	127.8	137.5	145.0
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR) IMF	28.7	29.7	30.3
Lain-lain	131.3	139.3	150.0
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	666.9	723.1	740.6
Jangka pendek	508.7	519.5	531.2
Denominasi mata wang			
Ringgit	398.2	410.6	410.2
Asing	777.4	832.0	861.6
Jumlah hutang/KDNK, %	64.8	68.2	69.0
Hutang jangka pendek/Jumlah hutang, %	43.3	41.8	41.8
Rizab/Hutang luar negeri jangka pendek, kali	1.0	1.0	1.0

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 5: **Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan**

	2023		2024	2023		2024
	S1	S4	S1	S1	S4	S1
	Akhir tempoh, RM bilion			Perubahan tahunan, %		
Jumlah Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1]	**2,625.0**	**2,735.9**	**2,761.1**	**4.1**	**4.8**	**5.2**
Bon korporat terkumpul[2]	554.8	573.4	572.8	4.4	4.2	3.2
Pinjaman terkumpul[3,4]	2,070.1	2,162.4	2,188.3	4.0	5.0	5.7
Perniagaan	748.4	776.0	784.7	2.2	3.7	4.9
Isi rumah	1,321.8	1,386.4	1,403.6	5.1	5.7	6.2
Kredit kepada Perniagaan[5]	1,303.2	1,349.5	1,357.5	3.1	3.9	4.2

[1] Mulai penerbitan Buletin Suku Tahunan S4 2022, kredit kepada sektor swasta bukan kewangan telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti data pembiayaan yang disalurkan untuk menjana kegiatan ekonomi dalam negeri. Data baharu ini menggantikan data pembiayaan bersih kepada sektor swasta yang digunakan sebelum ini.
[2] Termasuk kertas jangka pendek konvensional dan Islam, serta bon dan sukuk jangka panjang; tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, kerajaan, institusi kewangan dan institusi kewangan bukan bank.
[3] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.
[4] Tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas tanpa rekursa.
[5] Terdiri daripada pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan bon korporat terkumpul.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 6: **Penunjuk Pinjaman**[1]

	2023		2024	2023		2024
	S1	S4	S1	S1	S4	S1
	Dalam tempoh, RM bilion			Perubahan tahunan, %		
Jumlah Sektor Swasta Bukan Kewangan[2]						
Permohonan pinjaman	355.5	400.7	358.3	15.8	24.1	0.8
Kelulusan pinjaman	172.3	225.2	173.2	21.4	27.8	0.5
Pengeluaran pinjaman	528.6	579.9	536.8	7.1	3.5	1.5
Bayaran balik pinjaman	538.1	557.8	531.7	9.8	0.0	-1.2
Antaranya:						
Perniagaan						
Permohonan pinjaman	134.4	160.8	136.2	27.2	28.6	1.3
Kelulusan pinjaman	75.6	112.6	76.9	35.0	24.6	1.8
Pengeluaran pinjaman	403.3	441.1	398.1	4.8	0.7	-1.3
Bayaran balik pinjaman	408.1	428.6	395.3	6.5	-3.0	-3.1
Isi rumah						
Permohonan pinjaman	221.1	240.0	222.1	9.8	21.2	0.5
Kelulusan pinjaman	96.8	112.5	96.3	12.5	31.2	-0.5
Pengeluaran pinjaman	125.3	138.9	138.7	15.2	13.7	10.7
Bayaran balik pinjaman	130.0	129.2	136.3	21.6	11.4	4.9

[1] Pinjaman bagi semua segmen termasuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[2] Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti lain.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 7: **Penunjuk Keberuntungan Sistem Perbankan**

	2023		2024	2023		2024
	S1	S4	S1[a]	S1	S4	S1[a]
	%			Perubahan tahunan, mata peratusan		
Pulangan atas ekuiti[1]	11.4	11.2	10.9	0.5	-1.1	-0.5
Pulangan atas aset[1]	1.3	1.2	1.2	0.03	-0.14	-0.04
	RM juta			Perubahan tahunan, %		
Pendapatan faedah bersih	14,863	14,834	15,161	0.5	-8.5	2.0
Campur: Pendapatan berasaskan fi	2,973	3,417	3,305	1.7	18.8	11.2
Tolak: Kos operasi[2]	10,314	11,139	11,088	15.8	2.1	7.5
Keuntungan operasi kasar	7,521	7,111	7,378	-14.6	-12.9	-1.9
Tolak: Peruntukan jejas nilai[3] dan lain-lain	4,69	1,295	948	-60.7	232.7	102.3
Keuntungan operasi kasar selapas peruntukan	7,053	5,816	6,430	-7.4	-25.2	-8.8
Campur: Pendapatan lain[1]	3,502	4,482	4,303	74.4	19.5	22.9
Untung sebelum cukai[1]	**10,555**	**10,298**	**10,733**	**9.6**	**-10.7**	**1.7**

[a] Awalan
[1] Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti. Mulai tahun 2019, hasil teragregat kemudiannya diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Pelarasan ini dicatatkan dalam bahagian 'Pendapatan lain'. Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Buletin Suku Tahunan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% hingga 10.7%.
[2] Merunjuk kos kakitangan dan overhed.
[3] Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8: **Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful**

	2023		2024	2023		2024
	S1	S4	S1[a]	S1	S4	S1[a]
	RM juta			Perubahan tahunan, %[2]		
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan[1]	4,995	2,401	5,448	218.8	-56.3	10.0
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan operasi	418	980	875	61.9	-10.6	109.1
Nisbah tuntutan (%)	64	55	57	1.0	3.5	-7.0

[a] Awalan
[1] Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keuntungan penanggung insurans dan pengendali takaful dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
[2] Merujuk mata peratusan bagi perubahan tahunan nisbah tuntutan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 9: **Kewangan Kerajaan Persekutuan**[1]

	2023			2024[a]
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	76.2	88.7	315.0	70.0
Perubahan tahunan (%)	*21.4*	*2.2*	*7.0*	*-8.2*
Perbelanjaan mengurus	66.6	97.7	311.3	77.7
Perubahan tahunan (%)	*3.1*	*4.3*	*6.3*	*16.6*
Imbangan semasa	**9.6**	**-9.0**	**3.7**	**-7.7**
Perbelanjaan pembangunan bersih	26.4	31.1	95.1	18.7
Perubahan tahunan (%)	*59.2*	*25.7*	*35.5*	*-29.3*
Kumpulan Wang COVID-19[2]	0.0	0.0	0.0	0.0
Imbangan keseluruhan	**-16.9**	**-40.1**	**-91.4**	**-26.4**
Memo:				
Jumlah perbelanjaan bersih	93.1	128.8	406.4	96.4
Perubahan tahunan (%)	*7.5*	*-4.2*	*3.2*	*3.5*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	1120.4	1172.5	1172.5	1209.2
Hutang dalam negeri	849.3	891.0	891.0	933.8
Hutang luar negeri	271.2	281.5	281.5	275.4
Pemegangan hutang dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*246.2*	*256.4*	*256.4*	*250.2*
Peminjaman luar pesisir	*24.9*	*25.2*	*25.2*	*25.2*

[a] Awalan
[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
[2] Kumpulan wang khas yang ditubuhkan di bawah Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi dan rancangan pemulihan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia